KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENDIDIKAN KESIHATAN KELUARGA/SEKSUALITI

ASPEK GENDER



MODUL 3

PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KATA PENGANTAR

Pendidikan berkualiti yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berhasrat untuk menghasilkan individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai sikap serta nilai yang positif. Bagi membina murid yang bersemangat waja, mempunyai kemahiran menangani risiko, menjaga kesihatan diri dan mengamalkan cara hidup yang sihat, unsur Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti (PKK) diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam beberapa mata pelajaran KBSR dan KBSM. Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti tidak diajar sebagai satu mata pelajaran tetapi ia diajar secara bersepadu dan merentasi kurikulum. PKK diajar dalam mata pelajaran bahasa, Sains, Sains Tambahan, Biologi, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Kesihatan, Kemahiran Hidup, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Dalam Pendidikan Kesihatan, PKK diberi tumpuan khas dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5.

Dalam menghadapi gejala sosial masa kini, murid perlu meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran serta memupuk dan menanamkan sikap dan nilai yang sihat dalam diri. Modul-modul Pendidikan Kesihatan Keluarga/Seksualiti yang diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum adalah bertujuan untuk membantu guru meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh merujuk panduan yang disediakan dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara berkesan bagi memberi kesedaran kepada murid tentang kepentingan seksualiti dan gaya hidup sihat terhadap kesejahteraan dalam kehidupan.

Pelbagai pihak telah memberi sumbangan masa, tenaga dan fikiran untuk menyempurnakan modul-modul ini. Pusat Perkembangan Kurikulum ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Semoga modul-modul ini dapat dimanfaat oleh semua pihak.

(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH SYED ZIN)
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

KANDUNGAN

Kata Pengantar v

Pengenalan 1

- Latar belakang
- Matlamat
- Objektif
- Kaedah Penggunaan Modul

Jangkaan Gender 7

Peranan Lelaki dan Perempuan 11

Sifat Kelelakian dan Kewanitaan 29

Rujukan 33

Panel Kawal Mutu 34

-

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Pendidikan Kesihatan Keluarga tertumpu kepada keluarga sebagai institusi asas manusia serta gaya hidup yang sihat dan selamat bagi memelihara integriti institusi ini. Murid diberi kemahiran pengetahuan dan amalan bagi menghadapi proses perkembangan fizikal, sosial, emosi dan rohani dari segi persediaan untuk kedewasaan, perkahwinan, dan keibubapaan serta perhubungan sosial dalam konteks sosiobudaya keluarga dan masyarakat.

Guru perlu bersedia, bersikap positif dan berfikiran terbuka semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan merancang persekitaran pembelajaran yang sihat. Semasa membincangkan isu moral, guru tidak boleh menggunakan nilai atau pendirian moralnya ke atas murid. Guru perlu membantu murid membuat keputusan moral dengan mengutamakan perkara-perkara rumit dan luwes serta mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada perbezaan dan persamaan piawai moral seseorang.

MATLAMAT

Pendidikan Kesihatan Keluarga membolehkan murid memperoleh pengetahuan tentang perubahan fizikal, emosi dan sosial serta kemahiran dan amalan memelihara hubungan antara ahli keluarga, sahabat dan ahli masyarakat.

OBJEKTIF

Pendidikan Kesihatan Keluarga adalah untuk :

- membolehkan murid memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai supaya mereka bersedia menampung tanggungjawab kehidupan dewasa, perkahwinan, keibubapaan, dan hidup bermasyarakat bagi kehidupan yang sihat dan sejahtera.
- menyumbang kepada perkembangan murid bagi meningkatkan kesejahteraan dan tingkah laku bertanggungjawab
- membantu murid memahami perasaan dan kepercayaan diri supaya boleh menghadapi perubahan fizikal, emosi dan sosial, mengenal pasti perkara yang penting dan bertindak dalam cara yang bertanggungjawab dan penyayang
- membantu murid berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain bagi membuat keputusan yang bijak tentang hal berkaitan dengan kehidupan keluarga, perhubungan peribadi dan keahlian dalam komuniti

KAEDAH

Modul Pendidikan Kesihatan Keluarga ini dibahagikan kepada lima modul. Guru mata pelajaran bahasa, Sains, Sains Tambahan, Pendidikan Moral, Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, Pendidikan Islam dan Biologi boleh memilih modul atau bahagian modul yang relevan, mudah diterima bergantung kepada keadaan tempat dan situasi untuk mengajar tajuk yang sedia ada dalam Huraian Sukatan Pelajaran mereka. Guru mata pelajaran lain boleh juga menggunakan modul ini untuk mengajar tajuk yang berkaitan dalam kurikulum mereka.

MODUL 1

Aspek Fizikal

Modul ini berfokus kepada sistem reproduktif lelaki dan perempuan, perubahan fizikal, emosi dan psikologi yang berlaku semasa akil baligh, serta proses fisiologi persenyawaan dan kelahiran manusia.

AKTIVITI

Tajuk-tajuk perbincangan

1. Bincangkan pengalaman sosialisasi seseorang kanak-kanak yang dapat membantu memupuk peranan gender yang akan mengawal kehidupannya kelak.

2. Bincangkan cara khusus stereotaip peranan gender yang mempengaruhi persepsi sikap dan jangkaan diri sendiri dan orang lain.

3. Apakah jenis tingkah laku yang diharapkan daripada kanak-kanak lelaki dan perempuan?. Dengan mengingat kembali perubahan apakah yang membezakan seolah-olah anak lelaki diberi kelebihan. Jika ada apakah perasaan anda?

4. Apakah peranan media dalam membina dan memuaskan stereotaip peranan gender?

5. Apakah pandangan anda tentang peranan gender?

6. Jika anda seorang ibu atau bapa, bagaimanakah anda mengendalikan perkembangan peranan gender anak anda?

7. Bagaimanakah ibu bapa guru dan agen sosialisasi yang lain dapat membantu murid menyenaraikan perbezaan antara persekitaran yang tradisional dan moden?

8. Apakah langkah yang dapat diambil oleh masyarakat untuk mengubah peranan gender tradisional dan mengurangkan perbezaan peranan gender tersebut?

9. Bagaimanakah generasi masa hadapan akan bertindak balas terhadap idea semasa tentang membesarkan anak dengan cara tidak mementingkan gender? Huraikan.

LEMBARAN MAKLUMAT

Jangkaan Gender

Kajian tentang stereotaip gender menunjukkan bahawa biasanya perempuan dan lelaki mempunyai stereotaip yang sama. Lelaki didapati bersikap logik, dominan, berdikari dan agresif. Perempuan bersifat sensitif, emosional, penyayang, menggunakan intuisi, agak berdikari dan mudah menyerah. Dapatan yang lebih signifikan menunjukkan lelaki dan perempuan dewasa memandang diri sendiri sama dengan stereotaip ini dan profesional dalam bidang kesihatan biasanya melabel orang sihat dari segi psikologi. Kemungkinan besar sifat personaliti seperti ini tidak semulajadi sepenuhnya kerana dalam beberapa budaya terdapat kaum wanita agresif dan dominan, manakala kaum lelaki bersifat emosinal dan sensitif. Oleh itu, budaya memainkan peranan penting menentukan sikap tertentu dan menyembunyikan sikap yang lain.

Dalam kebanyakan masyarakat, kanak-kanak lelaki dan perempuan dilayan secara berbeza sejak mereka dilahirkan. Kanak-kanak perempuan diberi lebih banyak kasih sayang dan sentuhan fizikal, lebih diajak bercakap, lebih dilindungi dan lebih dikawal. Anak lelaki pula diberi lebih banyak kebebasan dan desakan pencapaian. Pada umur 2 atau 2 ½ tahun, kanak-kanak dapat mengenal pasti diri sendiri sebagai lelaki atau perempuan dan secara terbuka mencari dan menerima maklumat tentang sifat kelelakian atau kewanitaan. Kanak-kanak lelaki mungkin hendak menjadi seperti ayahnya. Kebiasaannya mereka hendak menjadi ahli bomba, doktor, angkasawan atau pemimpin negara. Anak perempuan pula akan membesar seperti ibunya iaitu ingin menjadi jururawat, setiausaha, eksekutif atau guru. Anak lelaki disuruh jangan menjadi 'pondan' dan anak perempuan pula disuruh bersopan. Anak lelaki tidak digalakkan menunjukkan emosi dan anak perempuan dihalang menjadi agresif. Mereka biasanya diberi alat permainan berlainan yang bersesuaian dengan gender mereka.

Peranan gender diperkembang dan diperkukuhkan lagi di sekolah. Kanak-kanak perempuan diarah ke sudut mainan anak patung dan bermain tali 'skiping', manakala kanak-kanak lelaki disuruh bermain blok dan bola. Buku bacaan kanak-kanak menggambarkan ibu mengemas rumah dan ayah pergi ke pejabat. Kanak-kanak perempuan digambarkan sebagai pemerhati dan sentiasa takut, manakala kanak-kanak lelaki digambarkan sebagai penyelesai masalah yang berani dan aktif. Kanak-kanak perempuan dijangka pandai mengeja dan mempunyai penulisan yang baik manakala lelaki mesti pandai matematik dan berminat dalam bidang mekanik. Sebaik sahaja akil baligh, motivasi untuk menjadi perempuan atau lelaki bertambah kerana desakan daripada kumpulan sebaya. Apabila meningkat dewasa, pilihan kehidupan lebih menonjol, maksud kewanitaan dan kelelakian menjadi lebih sempit. Perempuan yang pada masa dahulunya mempunyai prestasi akademik lebih baik daripada lelaki akan menurun dan kadangkala merosot sama sekali. Hal ini berlaku kerana "tidak bersifat kewanitaan".

Untuk menjadi lebih baik dalam persaingan dengan lelaki, keupayaan menganalisis adalah penting. Keupayaan kanak-kanak perempuan yang lemah menyebabkan prestasi akademik mereka merosot berbanding dengan lelaki. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa latihan berdikari yang biasanya ditekankan bagi kanak-kanak lelaki mungkin merupakan kunci kepada perkembangan pemikiran analitik, misalnya, kajian menunjukkan hubungan antara galakan ibu bapa terhadap sikap berdikari dan keberanian, dengan kebolehan analitik yang cemerlang menyebabkan mereka menolak peranan kewanitaan tradisional. Penolakan jangkaan dan definisi peranan masyarakat biasanya diiringi konflik, ketegangan dan kerisauan. Walau bagaimanapun penerimaan peranan gender tradisional juga mendatangkan akibat yang sama. Sungguhpun kajian tentang akibat psikologi desakan peranan gender terhadap lelaki tidak mencukupi, akibatnya tetap serius.

Kaum lelaki terperangkap dalam peranan menjadi penyara hidup yang kuat dan boleh diharapkan, serta terbatas dalam ekspresi emosi mereka. Ini menyebabkan mereka menafikan sebahagian diri mereka dan mengakibatkan penafian hubungan yang terbuka dan intim. Kebanyakan lelaki tidak mempunyai pilihan duduk di rumah dan menjaga anak, sambil isteri mereka menjadi penyara hidup keluarga.

Sungguhpun pasangan itu mungkin bahagia dengan pembahagian tugas seperti ini, jarang terdapat lelaki yang melawan desakan masyarakat. Tekanan untuk mencapai kewangan dan kedudukan, bertanggungjawab terhadap tahap ketegangan, tekanan dan kebimbingan yang tinggi di kalangan lelaki mungkin menyebabkan kadar serangan jantung yang tinggi di kalangan lelaki yang berumur 40 an ke atas.

Penyelidikan menunjukkan lebih wanita menduduki status sosial yang lebih rendah dan peranan sosial yang kurang penting akibat streotaip peranan gender. Penerimaan tradisional kedudukan seperti itu, telah menyebabkan akibat yang amat buruk bagi mereka. Penyelidikan menunjukkan penghargaan kendiri dan pendapat kendiri kanak-kanak perempuan semakin merosot apabila mereka membesar. Kajian yang lain menunjukkan kaum wanita mempunyai prasangka terhadap kaum sejenisnya. Dalam satu kajian terkini di Institusi Pengajian Tinggi, mengatakan 90% pelajar lelaki dan 66% pelajar wanita lebih suka anak lelaki, menghargai “sifat lelaki” lebih daripada “sifat perempuan”, mempercayai bahawa lelaki lebih sesuai untuk kedudukan status tinggi dan kurang mementingkan pencapaian kaum wanita.Nampaknya kaum wanita yang beriorientasi pencapaian tinggi juga takut berjaya dari segi usaha intelek atau akademik.

Akibat peranan jantina terhadap wanita dihuraikan saperti berikut :

Apabila anak lelaki dilahirkan, sukar untuk meramalkan apa yang dia akan buat 25 tahun kemudian. ita tidak dapat meramal sama ada dia akan menjadi seorang artis, doktor atau seorang profesor di Institusi Pengajian Tinggi, kerana dia akan dibenarkan memperkembang dan memenuhi potensi unik tersendiri, terutama sekali jika dia berkulit putih dan berasal dari kelas pertengahan. Akan tetapi, jika bayi yang baru dilahirkan itu, seorang perempuan, kita biasanya dapat meramal dengan yakin bagaimana ia akan menghabiskan masa 25 tahun kemudian. Akibat stereotaip peranan gender, sifat individunya tidak perlu dipertimbangkan kerana ia tidak relevan.

RUMUSAN

Guru perlu memberi kefahaman bahawa pada kebiasaannya lelaki dan wanita mempunyai jangkaan gender yang berbeza. Jangkaan gender biasanya ditentukan oleh masyarakat tetapi ia bukanlah sesuatu yang tidak boleh diubah.

i. Kumpulan yang telah diberi kadar kelelakian sangat tinggi semasa remaja, apabila diuji semula 20 tahun kemudian didapati :

- mereka kurang menerima diri sendiri dan kurang dominan.
- mereka merasa amat perlu merendahkan diri dan memencilkan diri sendiri.
- mereka dinilai sebagai kurang bersifat sosial, kurang yakin diri, berkemungkinan kurang menjadi pemimpin, dan kurang mengenali diri sendiri.

ii. Kumpulan yang diberi kadar kelelakian rendah semasa remaja dinilai pula sebagai mesra, cerdas, stabil dari segi emosi, sensitif dan canggih setelah diuji semula 20 tahun kemudian.

b. Kajian tahap kewanitaan di kalangan remaja perempuan menunjukkan yang sangat bersifat "kewanitaan" biasanya dihuraikan sebagai sangat bergantungan, malu, bercakap perlahan, menyerah, bersifat kanak-kanak dan mudah ditipu. Semua sifat berkaitan dengan tahap kebimbangan yang tinggi dan penerimaan sosial yang rendah ada pada mereka.

c. Satu lagi kajian menunjukkan bahawa budak lelaki dan perempuan yang akur pada peranan gender stereotaip tradisional mencapai skor yang lebih rendah dalam ujian kecerdasan dan kreativiti.

4. Terdapat beberapa mitos biasa tentang perbezaan jantina yang tidak dibuktikan.

a. Budak perempuan lebih bersifat sosial daripada budak lelaki.

b. Budak perempuan lebih mudah dipengaruhi berbanding budak lelaki.

c. Budak perempuan mempunyai penghargaan kendiri yang lebih rendah daripada budak lelaki.

d. Budak perempuan kurang bermotivasi untuk mencapai kejayaan.

e. Budak perempuan lebih baik dalam pembelajaran yang bersifat rutin.

f. Budak lelaki lebih analitis daripada budak perempuan.

5. Pergerakan Hak Wanita (Feminisme)

   a. Pergerakan Pembebasan Wanita muncul di Amerika Syarikat pada awal 1960 an. The Feminine Mystique sebuah buku oleh Betty Friedan, mengambarkan ketidakpuasan hati yang meluas di kalangan wanita, telah mempengaruhi dan merangsang ke arah kajian semula peranan lelaki dan wanita.

   b. Banyak idea penting telah timbul daripada pergerakan wanita. Fenomena ini dicerminkan oleh perubahan signifikan dalam banyak institusi sosial, kesenian, muzik, penulisan, adat pergaulan, perkahwinan, fesyen, dasar pekerjaan dan sebagainya.

   c. Semasa kaum wanita mengkaji stereotaip peranan lelaki dan wanita, kaum lelaki juga telah menilai semula definisi stereotaip tentang kelelakian. Hal ini telah membawa kepada banyak kesepaduan daripada sifat personaliti stereotaip dan aktiviti stereotaip perempuan ke dalam sifat personaliti dan aktiviti lelaki.

   d. Jelasnya, institusi sosial kita berkaitan dengan peranan lelaki dan perempuan serta keluarga berada dalam keadaan transisi yang besar sehingga lelaki dan perempuan mencapai keseimbangan dalam kehidupan mereka.

Kesimpulan

1. Dorongan seks adalah naluri berkaitan keperluan asas manusia. Ia merupakan naluri yang perlu untuk pemuliharaan manusia.

2. Dorongan seks diperlihatkan seperti berikut:
   a. tarikan terhadap gender yang berlainan
   b. jatuh hati
   c. pemujaan individu sebagai ‘hero’
   d. mempunyai teman tetap
   e. pergaulan dengan gender yang berlainan.

3. Antara masalah emosi yang berkaitan dengan dorongan seks adalah:
   a. memutuskan persahabatan kerana bertambahnya bilangan sahabat termasuk daripada gender berlainan.
   b. rasa bersalah kerana aktiviti merancap.
   c. ejek-mengejek.
   d. tidak dapat menumpukan perhatian kepada apa-apa pun untuk tempoh masa yang panjang.
   e. Berkhayal